

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan perkembangan mewujudkan sistem tiket bersepadu untuk semua pengangkutan awam di Malaysia seperti di negara-negara maju.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang giat membangunkan sistem tiket bersepadu atau lebih dikenali sebagai *Integrated Common Payment System* (ICPS) bagi memberi kemudahan penggunaan pengangkutan awam yang lebih lancar.
2. Pemasangan Card Reader dan kerja-kerja Integrasi Sistem sedang dijalankan di antara Sistem Teras ICPS dan lima (5) sistem luaran yang lain yang dimiliki oleh Prasarana, MRT Corp., Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB), *Touch 'n Go* dan Sistem Teras *MyDebit* bagi kad bank di bawah *PayNet*.
3. Perlaksanaan projek ini dibuat secara berperingkat kerana melibatkan integrasi sistem yang kompleks dan dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2019. Melalui ICPS, penumpang akan dapat menggunakan kaedah pembayaran secara *cashless* iaitu Kad Bank *MyDebit* dan kad pra-bayar *Touch 'n Go* selain daripada pembayaran secara *mobile payment* dengan kadar diskaun untuk *cashless* sehingga 20% berbanding dengan bayaran tunai.

Sekian, terima kasih.